# MAJLIS KONVOKESYEN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU KE-21

**TARIKH : 22 HINGGA 24 OKTOBER 2023 (AHAD HINGGA SELASA)**
**TEMPAT : DEWAN SULTAN MIZAN, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

Sukacita diingatkan kepada semua graduan untuk mengikuti langkah-langkah dalam panduan berikut sebagai persediaan menghadiri Majlis Konvokesyen :

1. Membuat pengesahan kehadiran dan pendaftaran pengambilan set pakaian konvokesyen secara atas talian di **laman web konvokesyen UMT (https://konvokesyen.umt.edu.my/)** bermula **24 September 2023**; *(sebulan sblm)*

2. Mengisi Borang Kajian Pengesanan Graduan secara atas talian di **laman web konvokesyen UMT (https://graduan.mohe.gov.my/SKPG2023/)** bermula **02 Oktober 2023 hingga 01 Januari 2024.**

**SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :**

URUS SETIA MAJLIS KONVOKESYEN
PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
TEL: 09-668 4341/5102
FAKS : 09-668 4143
EMEL : akademik@umt.edu.my

## SEMAKAN TARIKH-TARIKH PENTING

| TARIKH | MASA | AKTIVITI |
|---|---|---|
| 24 September 2023 hingga 21 Oktober 2023 | - | • **Pengesahan kehadiran** majlis konvokesyen melalui portal MyNemo<br>• **Pendaftaran pengambilan set pakaian konvokesyen** melalui portal MyNemo<br>*(** Nota : Pelajar yang berhutang tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam majlis konvokesyen)*<br>• **Semakan suara panggilan nama graduan** dibuka sehingga **14 Oktober 2023 sahaja** |
| 02 Oktober 2023 hingga 01 Januari 2024 | - | **Pengisian kajian pengesanan graduan** pada laman web : **https://graduan.mohe.gov.my/SKPG2023/**<br>*(Nota : Graduan perlu untuk mengisi Kajian Pengesanan Graduan dan mencetak slip pengisian sebagai bukti. Slip ini perlu dibawa semasa pengambilan set pakaian konvokesyen)* |
| 19, 20 & 21 Oktober 2023 (Khamis, Jumaat dan Sabtu) | 9.00 pagi - 12.30 tengah hari<br>2.30 petang – 6.00 petang | **Pengambilan set pakaian konvokesyen** di **Dewan Sultan Mizan**, UMT |
| 20 Oktober 2023 (Jumaat) | 3.00 petang - 4.00 petang | **Taklimat dan raptai** graduan di **Dewan Sultan Mizan**, UMT |
| 22 hingga 24 Oktober 2023 (Ahad hingga Selasa) | 8.00 pagi - 4.30 petang | **Majlis Konvokesyen UMT Ke-21** di Dewan Sultan Mizan, UMT |
| 22 hingga 26 Oktober 2023 (Ahad hingga Khamis) | 11.00 pagi - 01.00 petang<br>3.00 petang - 6.00 petang | Pemulangan set pakaian konvokesyen di **Kaunter Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA),** Kompleks Pengurusan Akademik dan Penyelidikan UMT |
| Bermula 29 Oktober 2023 (Ahad) | 9.00 pagi - 1.00 tengah hari<br>2.30 petang - 4.00 petang<br>*(Hari bekerja sahaja)* | Pemulangan set pakaian konvokesyen di **Kaunter Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA)** (Denda dikenakan) |

**** Mengikut Surat Pekeliling Bendahari Bil. 5 Tahun 2018, sekatan daripada mengambil bahagian dalam majlis konvokesyen akan dikenakan kepada pelajar yang mempunyai tunggakan yuran pengajian.**

## 1. SESI PENGIJAZAHAN, PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN SET PAKAIAN KONVOKESYEN

<table>
<tr><th colspan="3">SESI 1 (PAGI) | 22 OKTOBER 2023 (AHAD)</th></tr>
<tr><th>FAKULTI/PROGRAM PENGAJIAN</th><th>TARIKH DAN MASA <u>PENGAMBILAN</u> SET PAKAIAN KONVOKESYEN</th><th>TARIKH DAN MASA <u>PEMULANGAN</u> SET PAKAIAN KONVOKESYEN</th></tr>
<tr><td>SEMUA PTJ AKADEMIK<br>▪ Doktor Falsafah (Struktur Penyelidikan)<br>▪ Sarjana Sains (Struktur Penyelidikan)<br>▪ Sarjana Sains Komputer<br>▪ Sarjana Teknologi Maklumat<br>▪ Sarjana Matematik<br>▪ Sarjana Statistik Sains Marin<br>▪ Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)<br>▪ Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu)<br>▪ Sarjana Kaunseling<br>▪ Sarjana Ekonomi<br>▪ Sarjana Sains Perikanan Tropika</td><td rowspan="2">19 Oktober 2023 (Khamis)<br><br>Jam 9.00 pagi - 12.30 tengah hari<br><br>Tempat :<br>Dewan Sultan Mizan (DSM)</td><td rowspan="2">22 Oktober 2023 (Ahad)<br>hingga<br>26 Oktober 2023 (Khamis)<br><br><u>Sesi Pagi</u><br>11.00 pagi - 1.00 petang<br><br><u>Sesi Petang</u><br>4.00 - 6.00 petang<br><br>Tempat :<br>Kaunter Pelajar PPPA</td></tr>
<tr><td>FAKULTI PENGAJIAN MARITIM<br>▪ Sarjana Muda Pengurusan Operasi Maritim Dengan Kepujian<br>▪ Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)<br>▪ Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="3">SESI 2 (PETANG) | 22 OKTOBER 2023 (AHAD)</th></tr>
<tr><th>FAKULTI/PROGRAM PENGAJIAN</th><th>TARIKH DAN MASA <u>PENGAMBILAN</u> SET PAKAIAN KONVOKESYEN</th><th>TARIKH DAN MASA <u>PEMULANGAN</u> SET PAKAIAN KONVOKESYEN</th></tr>
<tr><td>FAKULTI SAINS DAN SEKITARAN MARIN<br>▪ Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)<br>▪ Sarjana Muda Sains (Sains Biologi) Dengan Kepujian<br>▪ Sarjana Muda Sains (Sains Kimia)<br>▪ Sarjana Muda Sains (Sains Kimia) Dengan Kepujian<br>▪ Sarjana Muda Sains (Biologi Marin)<br>▪ Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran)<br>▪ Sarjana Muda Sains (Sains Marin)<br>▪ Sarjana Muda Sains (Geosains Marin)<br>▪ Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)</td><td>19 Oktober 2023 (Khamis)<br><br>Jam 2.30 - 5.30 petang<br><br>Tempat :<br>Dewan Sultan Mizan (DSM)</td><td>22 Oktober 2023 (Ahad)<br>hingga<br>26 Oktober 2023 (Khamis)<br><br><u>Sesi Pagi</u><br>11.00 pagi - 1.00 tengahari<br><br><u>Sesi Petang</u><br>3.00 - 5.00 petang<br><br>Tempat :<br>Kaunter Pelajar PPPA</td></tr>
</table>

| SESI 3 (PAGI) ┃ 23 OKTOBER 2023 (ISNIN) | | |
|---|---|---|
| **FAKULTI/PROGRAM PENGAJIAN** | **TARIKH DAN MASA <u>PENGAMBILAN</u> SET PAKAIAN KONVOKESYEN** | **TARIKH DAN MASA <u>PEMULANGAN</u> SET PAKAIAN KONVOKESYEN** |
| **FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL**<br><br>▪ Sarjana Muda Kaunseling<br>▪ Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi)<br>▪ Sarjana Muda Perakaunan | 20 Oktober 2023<br>(Jumaat)<br><br>**Jam 9.00 pagi - 12.30 tengahari**<br><br>**Tempat :**<br>**Dewan Sultan Mizan (DSM)** | 23 Oktober 2023<br>(Isnin)<br>*hingga*<br>26 Oktober 2022<br>(Khamis)<br><br>**<u>Sesi Pagi</u>**<br>**11.00 pagi - 1.00 tengahari**<br><br>**<u>Sesi Petang</u>**<br>**3.00 - 6.00 petang**<br><br>**Tempat :**<br>**Kaunter Pelajar PPPA** |

| SESI 4 (PETANG) ┃ 23 OKTOBER 2023 (ISNIN) | | |
|---|---|---|
| **FAKULTI/PROGRAM PENGAJIAN** | **TARIKH DAN MASA PENGAMBILAN SET PAKAIAN KONVOKESYEN** | **TARIKH DAN MASA PEMULANGAN SET PAKAIAN KONVOKESYEN** |
| **FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL**<br><br>▪ Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan<br>▪ Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan Dengan Kepujian<br>▪ Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)<br>▪ Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) | 20 Oktober 2023<br>(Jumaat)<br>**Jam 2.30 - 5.30 petang**<br><br>**Tempat :**<br>**Dewan Sultan Mizan (DSM)** | 23 Oktober 2023 (Isnin)<br>hingga<br>26 Oktober 2023<br>(Khamis)<br><br>**<u>Sesi Pagi</u>**<br>**10.00 pagi - 1.00 tengahari**<br><br>**<u>Sesi Petang</u>**<br>**3.00 - 6.00 petang**<br><br>**Tempat :**<br>**Kaunter Pelajar PPPA** |

| SESI 5 (PAGI) \| 24 OKTOBER 2023 (SELASA) | | |
|---|---|---|
| **FAKULTI/PROGRAM PENGAJIAN** | **TARIKH DAN MASA PENGAMBILAN SET PAKAIAN KONVOKESYEN** | **TARIKH DAN MASA PEMULANGAN SET PAKAIAN KONVOKESYEN** |
| **FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KELAUTAN DAN INFORMATIK**<br><br>▪ Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)<br>▪ Sarjana Muda Sains Komputer Dengan Informatik Maritim<br>▪ Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim)<br>▪ Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar)<br>▪ Sarjana Muda Sains (Matematik Gunaan)<br>▪ Sarjana Muda Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih)<br>▪ Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)<br>▪ Sarjana Muda Sains Gunaan (Elektronik dan Instrumentasi)<br>▪ Sarjana Muda Gunaan (Fizik Elektronik dan Instrumentasi) | 21 Oktober 2023<br>(Sabtu)<br><br>**Jam 9.00 pagi - 12.30 tengahari**<br><br>**Tempat :**<br>**Dewan Sultan Mizan (DSM)** | 24 Oktober 2023<br>(Selasa)<br>hingga<br>26 Oktober 2022<br>(Khamis)<br><br>**Sesi Pagi**<br>**11.00 pagi - 1.00 tengahari**<br><br>**Sesi Petang**<br>**3.00 - 6.00 petang**<br><br>**Tempat :**<br>**Kaunter Pelajar PPPA** |

| SESI 6 (PETANG) \| 24 OKTOBER 2023 (SELASA) | | |
|---|---|---|
| **FAKULTI/PROGRAM PENGAJIAN** | **TARIKH DAN MASA PENGAMBILAN SET PAKAIAN KONVOKESYEN** | **TARIKH DAN MASA PEMULANGAN SET PAKAIAN KONVOKESYEN** |
| **FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS MAKANAN**<br><br>▪ Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan)<br>▪ Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan)<br>▪ Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan)<br>▪ Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) Dengan Kepujian<br>▪ Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman)<br>▪ Diploma Perikanan | 21 Oktober 2023<br>(Sabtu)<br><br>**Jam 2.30 - 5.30 petang**<br><br>**Tempat :**<br>**Dewan Sultan Mizan (DSM)** | 24 Oktober 2023<br>(Selasa)<br>hingga<br>26 Oktober 2023<br>(Khamis)<br><br>**Sesi Pagi**<br>**11.00 pagi - 1.00 tengahari**<br><br>**Sesi Petang**<br>**3.00 - 6.00 petang**<br><br>**Tempat :**<br>**Kaunter Pelajar PPPA** |

Pengambilan dan Pemulangan set pakaian konvokesyen **WAJIB** dilakukan seperti berikut:

1. Pengambilan set pakaian konvokesyen WAJIB dilakukan mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan di dalam jadual di atas;

2. Pengambilan set pakaian konvokesyen adalah di Dewan Sultan Mizan;

3. Set pakaian konvokesyen hendaklah dikembalikan semula selewat-lewatnya pada **26 Oktober 2023 (Khamis)**;

4. **Lokasi** pemulangan set pakaian konvokesyen adalah di **kaunter Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA).**

5. **Denda** akan dikenakan terhadap mereka yang lewat memulangkan set pakaian konvokesyen;

   ❖ **Denda** sebanyak RM10.00 pada hari pertama (bermula pada 29 Oktober 2023) dan ditambah RM5.00 setiap hari berikutnya (tertakluk pada hari bekerja sahaja). Pembayaran denda lewat hendaklah dibuat di kaunter Pejabat Bendahari UMT dan resit bayaran perlu dikemukakan semasa pemulangan set pakaian konvokesyen di Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik.

6. Graduan yang memulangkan atau menghantar set pakaian konvokesyen dalam keadaan tidak sempurna/rosak, bayaran ganti rugi akan dikenakan seperti di para 6.

## 2. PAKAIAN GRADUAN

Graduan yang hadir ke majlis konvokesyen hendaklah berpakaian kemas dan mematuhi peraturan berpakaian yang ditetapkan seperti berikut:

### A. GRADUAN LELAKI

**i. *Lounge Suit*:**
- Kemeja lengan panjang dan bertali leher
- Seluar panjang berwarna gelap
- Kot (*blazer*) berwarna gelap
- Stoking dan kasut formal/bertutup berwarna gelap
- Pelitup muka atau;

**ii. Baju Melayu:**
- Baju Melayu cekak musang berwarna hitam
- Bersamping
- Berbutang lengkap
- Stoking dan kasut formal/bertutup berwarna gelap dan;

**iii. Set Pakaian Konvokesyen**

*a.* **Sarjana Muda/Diploma** : Jubah dan *Mortar Board*

*b.* **Doktor Falsafah/Sarjana** : Jubah, *Beef Eater*/*Mortar Board* dan *Hood*

***Perhatian** :*

- *Graduan lelaki hendaklah memastikan rambut adalah pendek. Graduan lelaki yang **berambut panjang** boleh DIHALANG daripada memasuki dewan.*
- *Kasut sukan/sneakers adalah **tidak dibenarkan**.*

## B. GRADUAN WANITA

- Pakaian Kebangsaan yang sopan; atau
- Skirt labuh hingga ke buku lali (skirt pendek tidak dibenarkan) dan kemeja lengan panjang;
- Kasut formal/bertutup berwarna gelap dan;

### i. Set Pakaian Konvokesyen

*a.* **Sarjana Muda/Diploma** : Jubah dan *Mortar Board*

*b.* **Doktor Falsafah/Sarjana** : Jubah, *Beef Eater/ Mortar Board* dan *Hood*

## C. CONTOH GAMBAR PAKAIAN GRADUAN




**PERHATIAN: Graduan yang gagal mematuhi peraturan pakaian dan graduan lelaki yang berambut panjang tidak dibenarkan untuk memasuki dewan.**

## 3. KAD PANGGILAN NAMA GRADUAN

Setiap graduan akan diberikan satu (1) keping **Kad Panggilan Nama Graduan** semasa sesi pengambilan set pakaian konvokesyen. Kad berkenaan **WAJIB** dibawa bersama semasa majlis konvokesyen. Kad ini digunakan untuk panggilan nama graduan dan paparan nama di skrin dalam dewan. **Kegagalan graduan membawa kad berkenaan menyebabkan nama graduan tidak akan disebut semasa graduan naik ke atas pentas.**

## 4. YURAN GRADUASI

Semua graduan, sama ada menghadiri majlis konvokesyen atau tidak, hendaklah menjelaskan yuran graduasi mengikut kadar berikut :-

| | | | |
|---|---|---|---|
| i. | Diploma | : | RM60.00 |
| ii. | Sarjana Muda | : | RM100.00 |
| iii. | Sarjana/Doktor Falsafah | : | RM120.00 |

** Mengikut Surat Pekeliling Bendahari Bil. 5 Tahun 2018, sekatan daripada mengambil bahagian dalam majlis konvokesyen akan dikenakan kepada pelajar yang mempunyai tunggakan yuran pengajian.

### KAEDAH PEMBAYARAN YURAN GRADUASI

i. Pembayaran yuran graduasi boleh terus dilakukan selepas selesai pendaftaran pengambilan set pakaian konvokesyen secara dalam talian menggunakan platform gerbang pembayaran UMT di sistem eKonvo (MyNemo>Akademik>eKonvo);

## 5. SET PAKAIAN KONVOKESYEN/JUBAH

### A. DOKTOR FALSAFAH

<table>
<tr>
<td><br>Set pakaian konvokesyen Graduan Doktor Falsafah (pandangan hadapan)</td>
<td><br>Set pakaian konvokesyen Graduan Doktor Falsafah (pandangan belakang)</td>
</tr>
<tr>
<td colspan="2">• Jubah berwarna maroon<br>• 3 jalur merah di lengan<br>• Beef Eater berwarna maroon<br>• Hood berwarna maroon</td>
</tr>
</table>

## B. SARJANA

<table>
<tr><td><br>Set pakaian konvokesyen Graduan Sarjana<br>(pandangan hadapan)</td><td><br>Set pakaian konvokesyen Graduan Sarjana<br>(pandangan belakang)</td></tr>
<tr><td colspan="2">• Jubah berwarna maroon<br>• 2 jalur merah di lengan<br>• Mortar board dengan tassel (rumbai) berwarna perak<br>• Hood berwarna maroon</td></tr>
</table>

## C. SARJANA MUDA

| | |
|---|---|
|  |  |
| Set pakaian konvokesyen Graduan Sarjana Muda (pandangan hadapan) | Set pakaian konvokesyen Graduan Sarjana Muda (pandangan belakang) |

- Jubah berwarna ungu
- *Mortar Board* berwarna hitam
- *Tassel* (rumbai) mengikut Fakulti :

1. Fakulti Sains dan Sekitaran Marin - Biru
2. Fakulti Perikanan dan Sains Makanan - Ungu
3. Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik - Hijau
4. Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial - Oren
5. Fakulti Pengajian Maritim - Merah hati

## D. DIPLOMA

<table>
<tr>
<td><br>Set pakaian konvokesyen Graduan Dploma<br>(pandangan hadapan)</td>
<td><br>Set pakaian konvokesyen Graduan Diploma<br>(pandangan belakang)</td>
</tr>
<tr>
<td colspan="2">• Jubah berwarna hitam<br>• Mortar board berwarna hitam<br>• Tassel (rumbai) berwarna ungu</td>
</tr>
</table>

## PENGAMBILAN SET PAKAIAN KONVOKESYEN OLEH WAKIL

i. Hanya wakil dalam kalangan graduan sahaja yang dibenarkan untuk mengambil set pakaian konvokesyen bagi pihak graduan sekiranya graduan tidak dapat hadir untuk pengambilan set pakaian konvokesyen pada hari yang ditetapkan. Maklumat wakil hendaklah dinyatakan dalam sistem e-Konvo semasa pendaftaran pengambilan Set pakaian konvokesyen;

ii. Graduan perlu memajukan salinan slip berikut kepada wakil untuk diserahkan semasa pengambilan set pakaian konvokesyen:
   - Slip Pengambilan set pakaian konvokesyen
   - Slip yuran graduasi/hutang/denda/saman semasa pengambilan set pakaian konvokesyen

iii. Wakil perlu menunjukkan kad pengenalan dan menyerahkan slip di atas semasa pengambilan set pakaian konvokesyen;

iv. Setiap wakil hanya dibenarkan untuk membuat pengambilan set pakaian konvokesyen seorang graduan sahaja;

## 6. BAYARAN GANTI RUGI KEHILANGAN/KEROSAKAN SET PAKAIAN KONVOKESYEN

Graduan yang memulangkan atau menghantar set pakaian konvokesyen dalam keadaan tidak sempurna/rosak, bayaran ganti rugi akan dikenakan sebagaimana berikut:

| Tahap Pengajian | Jubah (RM) | *Mortar Board* (RM) | *Beef Eater* (RM) | *Hood* (RM) |
|---|---|---|---|---|
| Diploma | 400.00 | 65.00 | - | - |
| Sarjana Muda | 465.00 | 65.00 | - | - |
| Sarjana / Doktor Falsafah | 490.00 | 65.00 | 90.00 | 55.00 |

## 7. PENGAMBILAN SKROL

i. Skrol boleh diambil setelah set pakaian konvokesyen dipulangkan dan semua hutang dengan UMT dijelaskan;

ii. Graduan yang berhutang dengan UMT hendaklah menunjukkan slip yuran graduasi/hutang/denda/saman yang menyatakan hutang telah dijelaskan bagi mendapatkan transkrip dan skrol;

iii. Sila tunjukkan Slip Pengambilan Skrol semasa mengambil transkrip dan skrol;

## 8. KAD JEMPUTAN IBU BAPA/TETAMU GRADUAN

Kad jemputan akan diedarkan semasa pengambilan set pakaian konvokesyen.

## 9. PAKEJ GAMBAR KONVOKESYEN

Pemilihan pakej gambar konvokesyen (sesi fotografi) boleh dilakukan di dalam modul e-Konvo. Perincian kadar dan jenis pakej, boleh berhubung terus dengan pihak pembekal. *Link* pakej gambar graduan : https://www.fotokonvo.com.my/index.html?RLYCJR

**PERINGATAN**

i. Jurugambar persendirian tidak dibenarkan memasuki Dewan Sultan Mizan.
ii. Graduan tidak dibenarkan *selfie* semasa menerima ijazah di atas pentas.

**SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :**
URUS SETIA MAJLIS KONVOKESYEN
PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
TEL: 09-668 4341/5102
E-MEL : akademik@umt.edu.my

*Nota : Notis ini tertakluk kepada arahan dan perkembangan dari semasa ke semasa.*
Tarikh kemaskini: 23.8.2023